

Pemimpin sambut baik Misi Nasional Perdana Menteri

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak menyifatkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berpandangan jauh apabila menyatakan kerajaan mahu menjadikan Misi Nasional sebagai wawasan sepanjang hayat dan meletakkan Malaysia terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

Mereka juga berpendapat pandangan Perdana Menteri itu untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus berkekalan, selain mengekalkan nilai budaya murni apabila negara meraikan sambutan ke-100 kemerdekaan kelak.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Perdana Menteri mahu memberi nasihat kepada rakyat supaya bersedia menghadapi cabaran selepas Wawasan 2020.

Katanya, kini, semua orang faham dan sedang melaksanakan tugas masing-masing bagi mencapai Wawasan 2020 yang tinggal 13 tahun lagi.

"Kenyataan Perdana Menteri itu juga merujuk kepada kejayaan yang dicapai dalam tempoh 50 tahun selepas kemerdekaan. Banyak kejayaan dicapai Barisan Nasional dalam tempoh 50 tahun ini terutama pembangunan fizikal dan kini sudah sampai masa untuk kita turut memikirkan pembangunan rohani dan insaniah

"Amerika Syarikat merdeka hampir 250

“Ia juga membuktikan Perdana Menteri bersungguh-sungguh memastikan bangsa Malaysia maju dan setaraf dengan bangsa lain pada peringkat antarabangsa”

Shamsul Anuar Nasarah
Presiden Majlis Belia Malaysia

BH- 20/4/2007
tahun dan kita baru nampak kejayaan mereka seperti sekarang, jadi kita mempunyai tugas besar kerana baru menempuh 50 tahun pertama selepas merdeka,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri bahawa kerajaan memikirkan lebih daripada matlamat Wawasan 2020 untuk memastikan bangsa Malaysia terus maju sepanjang zaman.

Perdana Menteri dalam ucapannya bertema 'Misi Nasional Sepanjang Hayat' pada majlis ramah mesra bersama jentera politik dan gerak saraf Umno, Jumaat lalu yang disiarkan malam kelmarin di RTM1 menegaskan kerajaan tidak mengabaikan usaha Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju.

"Itu yang kita sasarkan. Kita ada misi sepanjang masa, satu misi untuk bangsa yang ingin jadi bangsa yang maju, gemilang dan terbilang," katanya

Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Sivamurugan Pandian, berkata Perdana Menteri memikirkan lebih daripada Wawasan 2020 kerana mengambil kira perubahan dan kepesatan pembangunan pada masa sekarang.

"Saya percaya apa yang dikatakan Perdana Menteri mengambil kira keadaan dan cabaran semasa dalam tempoh 50 tahun akan datang kerana ia tidak lagi sama seperti sekarang dan tidak sama seperti 13 tahun akan datang.

"Inilah pemimpin sebenar yang tidak hanya memikirkan kemajuan negara untuk tempoh singkat tetapi lebih daripada yang sepatutnya," katanya.

Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye mahu rakyat membantu Perdana Menteri dan kerajaan untuk menyiapkan diri menghadapi cabaran Wawasan 2020 dan tempoh selepas itu.

Katanya, setiap orang mempunyai tanggungjawab dan apa yang dinyatakan Perdana Menteri itu membuktikannya berpandangan jauh dan bertanggungjawab kepada negara serta rakyatnya.